

07/04/2001

Lebih 102 ekuin sertai saingan Piala Perdana

Mohd Ali Majid

PERTANDINGAN Piala Perdana yang diwujudkan semula tahun lalu semakin mendapat sambutan musim ini yang diadakan di Padang Polo Bukit Kiara Equestrian & Country Resort pada 12 hingga 15 April ini.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Abdul Razak Latif, berkata berbanding tahun lalu penyertaan kali ini menggalakkan dengan lebih 500 peserta akan mengambil bahagian dalam kejohanan sempena hari jadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita puas hati dengan penyertaan menggalakkan kali ini," katanya dalam sidang media di Bukit Kiara, semalam.

Beliau berkata, ini adalah tahun kedua Kumpulan ARL diberi kepercayaan menganjurkan kejohanan yang mengandungi dua siri iaitu cabaran pertama dan cabaran akhir yang dijadualkan pada akhir tahun ini.

"Tujuannya antara lain memberi pendedahan dan galakkan kepada belia di Malaysia untuk membabitkan diri dalam pertandingan yang lebih mencabar," katanya yang juga Pengerusi Kumpulan ARL.

Pada kejohanan itu nanti, pelbagai aktiviti lain turut diadakan supaya masyarakat yang hadir dapat bersukaria bersama keluarga.

Katanya, Perdana Menteri akan hadir menyaksikan saingan pada hari terakhir kejohanan itu nanti.

Beliau berkata, seramai 102 ekuin dan 121 kuda akan bersaing dalam dua acara iaitu show jumping dan dressage yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM70,000.

Antara kelab yang bertanding termasuk 3Q Equestrian, Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, Unit Berkuda, DBKL, Double II Equestre, Akademi Equestrian Diraja Selangor, Malaysia Armed Forces Polo & Riding Club, Perak Turf Club & Equestrian Centre, Unit Berkuda PDRM, Riders Lodge, Sandakan Turf Club & Equestrian Centre, Selangor Polo & Riding Club, STC Equestrian & Sports Centre dan Templer Park Equestrian.

Manakala, ekuin yang mengambil bahagian termasuk ekuin kebangsaan Syed Omar Syed Abu Bakar, Tunku Nazroff, Abdullah Zahir (Kelab BKECR); Sjn Ruzailina Zainal Abidin (Kelab DBKL) dan Qabil Ambak, Quzier Ambak (Kelab 3Q).

"Kejohanan ini juga sebagai ujian menjelang Sukan Sea ke XXI di Kuala Lumpur September nanti," katanya.

(END)